

01 MAR 1999

Mahathir-Kemuncak

M'SIA AKAN TERUS MELABUR DI BANGLADESH, KATA MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

DHAKA, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia akan terus meningkatkan perdagangan dan pelaburan dengan Bangladesh sebagai usaha membuka peluang pekerjaan yang lebih, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Bagaimanapun, kita masih tidak dapat menunaikan permintaan Dhaka supaya Malaysia mengambil lebih ramai pekerjanya, kecuali keadaan ekonomi bertambah baik, kata beliau dalam rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina di sini.

Permintaan untuk menambahkan perdagangan dan pelaburan serta pekerja itu ditimbulkan semasa rundingan empat mata kedua-dua pemimpin menjelang pembukaan Sidang Kemuncak Kedua Kumpulan Lapan (D-8) Negara-negara Membangun Islam di sini.

Bercakap kepada media mengenai perkembangan rundingan itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pelaburan Malaysia di Bangladesh tahun lepas berjumlah AS\$900 juta dan dijangka akan bertambah tidak lama lagi.

Pelaburan itu meliputi projek pembangunan gas oleh Petronas, penglibatan Celcom dalam operasi telefon selular dan pembangunan infrastruktur telekomunikasi oleh Telekom Malaysia Bhd.

Dr Mahathir juga menekankan bahawa syarikat-syarikat Malaysia boleh melabur di Bangladesh untuk mengambil kesempatan daripada tenaga buruh yang murah, yang juga mungkin dapat membantu negara itu mengatasi masalah pengangguran.

Mengenai perdagangan dua hala, Syed Hamid berkata walaupun ia berpihak kepada Malaysia, kita harus menimbang bahawa seramai 150,000 atau lebih pekerja Bangladesh di Malaysia membawa pulang AS\$100 juta ke negara mereka.

Jumlah perdagangan tahun lepas pula meningkat kepada RM724.4 juta berbanding RM563.8 juta tahun 1997, dengan eksport Malaysia meliputi RM699.6 juta tahun 1998 manakala import hanya berjumlah RM24.8 juta.

Eksport utama Malaysia ialah kapal, bot, minyak kelapa sawit, benang, barangan penapis petroleum, sabun, barangan pembersih dan penggilap.

Perdana Menteri kemudian mengunjungi Naib Presiden pertama Iran, Dr Hassan Habibi, yang berbincang berkisar kepada meningkatkan perdagangan dua hala dan pelaburan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa prosedur mengenai perdagangan dan pelaburan perlu dibuat dengan cara yang memudahkan kedua pihak.

Syed Hamid berkata Habibi telah mencadangkan supaya kedua negara juga berusaha meningkatkan kerjasama dalam bidang pelancongan.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Iran perlu bekerjasama erat agar kedua-dua pihak mempunyai kefahaman mendalam mengenai Islam, dan menambah sepatutnya ada lebih daripada dua acara untuk berdialog mengenai perkara ini.

Perdana Menteri juga membuat kujungan hormat kepada Perdana menteri Pakistan Nawar yang juga berada di sini untuk sidang ini.

Awal hari ini, Dr Mahathir menaiki helikopter melawat makan pahlawan Savar Smriti Shoudha yang terletak 25 km dari sini.

Turut sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah.

--BERNAMA

MR ZB